



*SEMINAR SYARIAH
KE ARAH MEREALISASIKAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
DI MALAYSIA
16 — 17 JUN 1987*

KERTAS KERJA DASAR
KE ARAH MEREALISASIKAN UNDANG-UNDANG ISLAM
DI MALAYSIA

OLEH

EN. MAHMOOD ZUHDI HJ ABD MAJID
DEKAN FAKULTI SYARIAH UNIVERSITI MALAYA

TEMPAT

DEWAN KULIAH I INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
UNIVERSITI MALAYA

ANJURAN

FAKULTI SYARIAH AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Kerach Merealisasikan Undang-Undang Islam
di Malaysia

oleh:

Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid

Pendahuluan

Kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di Malaysia sebelum zaman penjajah merupakan suatu kenyataan sejarah yang tidak dapat dinafikan lagi. Hanya penjajah fuggertalib kemudiannya menyalahgunakan undang-undang itu dari kedudukannya yang asal untuk digantikan dengan undang-undang mereka sendiri sebagai sebahagian dari strategi penjajah mereka. Apabila kita berfikir pada tahun 1957 traktat yang ditandatangani oleh Inggeris itu tetap berkuatkuasanya seolah-olah ia hanya suatu realiti hidup yang tidak berubah-ubah lagi.

Akibat dari peringkasan itu, undang-undang Islam sebagai undang-undang negara yang sempit, yang hanya menyangkut masalah-masalah yang berkaitan dengan

KERTAS KERJA DASAR

KE ARAH MEREALISASIKAN UNDANG-UNDANG ISLAM
DI MALAYSIA

kepada prinsip-prinsip pentadbiran hukum Islam, tanpa mengabaikan prinsip-prinsip yang sama kepada kaedah-kaedah Inggeris yang di pergunakan sebagai asas perundangan setempat. Selain di dalam daerah yang sempit itu undang-undang Islam tidak lagi mempunyai apa-apa fungsi sama ada di bidang perundangan atau di bidang pentadbiran.

OLEH

EN. MAHMOOD ZUHDI HJ ABD MAJID

DEKAN FAKULTI SYARIAH UNIVERSITI MALAYA

Dengan kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara minoriti dalam negara Malaysia, benang merah pentadbirannya pada dasarnya adalah asas dan corak yang tidak berubah ubah darinya. Berkatnya undang-undang sebagai undang-undang negara dalam konteks masyarakat dan negara Malaysia sekarang ini bererti memperkatakan sesuatu yang tidak ada artinya lagi setakat ini masih merupakan nilai-nilai majmuri yang belum direalisasikan, atau selebihnya merupakan maklumat kepada perundangan di negara kita ini. Kerana itu berakatnya mengawal merealisasikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di Malaysia sekarang ini lebih bererti memperkatakan tentang cara-cita ke arah merealisasikan undang-undang itu dan bukannya tentang realitinya yang ada dalam masyarakat ini.

Undang-undang, bukanlah hukum:

Dalam memperkatakan tentang nilai-nilai ini orang banyak bertanyakan soalan mudah. Setelah mengemukakan beberapa kritikan secara umum terhadap realiti perundangan yang ada mereka terus mencarakan alternatif Islam dalam bahasa yang umum juga. Inilah yang dimaksud oleh ulama Abu al-A'la al-Maududi sebagai tahu berkata tetapi tidak tahu apa sebenarnya yang diperkatakan. Dalam suasana

Kearah Merealisasikan Undang-Undang Islam di Malaysia

oleh:

Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid

Pendahuluan

Kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di Malaysia sebelum zaman penjajah merupakan suatu kenyataan sejarah yang tidak dapat dinafikan lagi. Hanya penjajah Inggerislah kemudiannya menyingkirkan undang-undang itu dari kedudukannya yang asal untuk digantikan dengan undang-undang mereka sendiri sebagai sebahagian dari program penjajah mereka. Apabila kita merdeka pada tahun 1957 tradisi yang dilakukan oleh Inggeris itu tetap berlanjutan seolah-olah ianya suatu realiti hidup yang tidak berubah-ubah lagi.

Akibat dari penyingkiran itu, undang-undang Islam terkepung dalam daerah yang sempit, yang mengikut 'uruf undang-undang dikenal sebagai bidang kekeluargaan. Dalam pada itu pun ia tidak lagi berpengaruh sepenuhnya dibidang tersebut, sementara pentadbirannya pula tidak secara sepenuhnya berasaskan kepada prinsip-prinsip pentadbiran hukum Islam, tetapi sebaliknya berpandu sama kepada kaedah-kaedah Inggeris yang di orientasikan mengikut keperluan setempat. Selain di dalam daerah yang sempit itu undang-undang tersebut tidak lagi mempunyai apa-apa fungsi sama ada di bidang pengadilan mahupun di bidang pentadbiran.

Dengan kedudukan itu undang-undang Islam telah merupakan undang-undang minoriti dalam negara Malaysia, sementara pentadbirannya pula dibuat mengikut asas dan corak yang tidak berakar umbi darinya. Bercakap mengenainya sebagai undang-undang negara dalam konteks masyarakat dan negara Malaysia sekarang ini bererti memperkatakan sesuatu yang tidak ada kerana ianya setakat ini masih merupakan nilai-nilai mujarrad yang belum direalisasikan, atau selebihnya merupakan sumber sejarah kepada perundangan di negara kita ini. Kerana itu bercakap mengenai merealisasikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di Malaysia sekarang ini lebih bererti memperkatakan tentang cita-cita ke arah merealisasikan undang-undang itu dan bukannya tentang realitinya yang ada dalam masyarakat ini.

Undang-Undang, bukannya hukum

Dalam memperkatakan tentang cita-cita ini orang banyak bercakap secara mudah. Sesudah mengemukakan beberapa kritikan secara umum terhadap realiti perundangan yang ada mereka terus mencadangkan alternatif Islam dalam bahasa yang umum juga. Inilah yang disebut oleh maulana Abu al-A'la al-Maududi sebagai tahu berkata tetapi tidak tahu apa sebenarnya yang diperkatakan. Dalam suasana

begini orang bercakap tentang banyak perkara tanpa menggariskan konsep dan struktur masing-masing perkara itu secara khusus. Akibatnya mereka bercakap tentang berbagai-bagai perkara dan tidak mempunyai pandangan dan resolusi yang jelas dalam apa-apa perkara.

Ada orang bercakap tentang merealisasikan hukum Islam, sedangkan hukum masih merupakan nilai baik buruk yang mujarrad. Ianya masih belum mempunyai pendekatan tertentu mahupun organisasi pentadbirannya. Bercakap tentang hukum secara umum bererti bercakap tentang falsafah dan nilai undang-undang semata-mata dan bukan mengenai undang-undang itu sendiri. Ianya boleh didapati di mana-mana; dalam al-Quran, dalam al-Sunnah, dalam penulis-penulis Fiqah dan sebagainya, tetapi untuk dilaksanakan dalam sebuah negara ianya masih perlu di proseskan untuk dijadikan undang-undang.

Ada orang bercakap tentang penerapan nilai-nilai Islam, sedangkan nilai masih merupakan suatu istilah yang terlalu umum. Orang boleh membuat penafsiran yang berbeda-beda mengenainya. Ada orang mentafsirkannya setakat mana yang bersifat universal, sedangkan orang masih keliru apa perbezaannya antara universalisma dan internasionalisma. Ada orang mentafsirkannya sebagai etika pentadbiran semata-mata sedangkan etika itu sendiri merupakan suatu yang terlalu flexible dan pragmatis, dan ada orang mentafsirkannya sebagai suatu yang komprehensif, syumul dan meliputi, tetapi kecenderungan umum tidak menggambarkan penafsiran ini. Ringkasnya memperkatakan tentang nilai-nilai Islam dan penerapannya merupakan suatu perbincangan yang terlalu umum yang boleh membuang banyak masa dan kadang-kadang boleh mengelirukan.

Sedangkan perbincangan mengenai undang-undang Islam memerlukan bahasa yang lebih akademik dan profesyenal serta skop yang lebih khusus. Ianya bukan boleh dibuat secara begitu sahaja dan oleh sesiapa sahaja tetapi memerlukan pengertian yang mendalam tentang bukan sahaja konsep dan struktur undang-undang itu sendiri malah juga masyarakat dan segala sistem dan realiti yang ada di dalamnya. Di samping itu ia juga memerlukan penilaian yang halus dari segi teknik dan hal-hal yang bersangkutan dengannya. Ini mengertikan bahawa perbincangan mengenai undang-undang Islam dan usaha merealisasikannya sebagai undang-undang negara di Malaysia ini lebih merupakan perbincangan mengenai bagaimana nilai dan hukum Islam itu boleh dibentuk sebagai undang-undang yang siap untuk dilaksanakan dan bagaimana masyarakat dan negara boleh dipersiapkan untuk menerima pelaksanaan itu dengan baik dan teratur.

Masyarakat sebagai suatu faktor

Menginsafi hakikat ini tidak salah kalau kita katakan bahawa penyisihan undang-undang Islam dari bidang pengadilan dan pentadbiran negara sekarang telah merupakan suatu fenomena masyarakat yang perlu difahami berasaskan kepada pemahaman yang mendalam terhadap masyarakat Malaysia dalam kedudukannya sekarang. Ianya perlu dinilai dari segala aspek, baik dari segi politik, intelektual bentuk dan susun lapis masyarakat dan sebagainya. Ini kerana undang-undang itu sama seperti sastera. Ianya lebih merupakan aspirasi masyarakat dan tidak boleh berfungsi sebagai barang sogokan yang asing baginya.

Dalam menilai fenomena ini perkara yang paling utama kita dapati ialah pendapat umum sendiri. Dalam masyarakat moden sekarang ini, tidak terkecuali di Malaysia, pendapat umum nampaknya menyokong penyingkiran undang-undang Islam ini dan lebih senang meneruskan tradisi yang dimulakan oleh Inggeris itu. Sejauh mana mereka rasa senang dengan undang-undang Inggeris sekarang ini sejauh itu jugalah rasa ragu dan prejudis mereka dengan kesesuaian hukum Islam untuk dijadikan sebagai undang-undang negara yang berdaulat.

Persoalan yang lumrah kita dengar ialah, apakah undang-undang yang sudah lapok dan ditelan usia berbelas-belas abad lamanya itu masih mampu melayani kehendak zaman moden yang serba baru ini? Tidakkah ertinya kalau undang-undang itu berlaku kita akan kembali ke zaman unta? Dan banyak lagi persoalan-persoalan lain yang serupa. Persoalan-persoalan ini, meskipun oleh setengah orang atau kalangan yang tidak begitu mengambil berat mengenai aspirasi masyarakat merupakan persoalan-persoalan yang dangkal, namun ianya menggambarkan suatu manifestasi kepada sikap kurang yakin dan prejudis yang mendalam terhadap kemampuan hukum Islam untuk menjadi undang-undang yang terlaksana sebagai undang-undang negara dalam masyarakat moden sekarang ini.

Dalam pengajian sosial, pendapat umum dihuraikan sebagai suatu kebenaran dalam masyarakat berkenaan meskipun ia sebenarnya suatu yang salah. Kerana itu dalam mengambil apa-apa langkah yang besar dalam masyarakat, pendapat umum perlu disediakan terlebih dahulu. Kerana tanpa sokongan pendapat umum sesuatu keputusan atau langkah yang besar itu jarang mendapat kejayaan yang wajar. Amat silap sekali kalau kita memikirkkan atau berpendapat bahawa asalkan sahaja usaha yang kita lakukan itu baik, pendapat umum boleh dikebelakangkan atau akhirnya akan mengikut juga, kerana kesedaran umum itu suatu proses yang memerlukan bimbangan dan jarang berlaku dengan begitu sahaja.

penjajah selaras dengan proses kejatuhan umat Islam dari falsafah sapa menang. Membina atau memenangi pendapat umum ini bukan boleh dilakukan dengan secara paksa, apalagi dengan melemparkan berbagai-bagai tuduhan. Ianya perlu dilakukan dengan cara yang lebih bertanggungjawab dan penuh simpati. Mungkin inilah antara lain yang dimaksudkan oleh al-Quran sebagai 'al-Hikmah' dan "Mau'izah Hasanah" yang perlu menjadi asas kepada sebarang dakwah kepada jalan Allah. Antara sifat 'hikmah' dan "Mau'izah Hasanah" ini boleh dijelmakan dengan dialog yang berkesan *وجادلهم بالتي هي أحسن* kerana itu di dalam usaha mewujudkan kesedaran umum atau memenangi pendapat umum kita perlu mewujudkan dialog yang luas dan berkesan dalam masyarakat. Para ulama dan cerdik pandai Islam harus memasuki dan malah mengambil inisiatif dalam dialog-dialog ini dengan mengemukakan nilai-nilai ilmiah yang kemaskini dan dalam bahasa serta disiplin yang mudah difahami oleh masyarakat zaman kini. Kita harus menggunakan semua kemudahan yang ada dalam masyarakat dan negara kita terutama media massa, sama ada yang berbentuk media cetak atau elektronik dengan sebaik-baiknya supaya dapat memikul objek objektif kita di dalam membawa masyarakat ke arah menyetujui usaha-usaha merealisasikan undang-undang Islam di Malaysia.

Tetapi malangnya apa yang berlaku setakat ini boleh dikatakan sebaliknya.

Para ulama dan cerdik pandai Islam lebih cepat melatah dari menyusun strategi dengan tenang dan berhati-hati; lebih cepat menuduh dan mencela daripada memberi nasihat dan tunjuk ajar secara baik dan ilmiah, malah secara umumnya tidak aktif di dalam menggunakan segala kemudahan komunikasi yang ada untuk tujuan perjuangan ini. Akibatnya, dalam kebanyakan waktu dan keadaan, kita berada di pihak bertahan dan bukannya di pihak yang menggempur pendapat umum masyarakat. Maka selama keadaan ini berterusan selagi itulah cita-cita untuk merealisasikan undang-undang Islam dipandang serong oleh masyarakat umum dan sukar untuk mencapai matlamatnya. Adalah diharapkan, seminar ini boleh menjadi titik kepada perubahan ini, iaitu meletakkan para ulama dan cerdik pandai Islam di pihak yang mencabar pandangan umum dengan pandangan-pandangan dan tunjuk ajarnya yang berkesan dan bukannya lagi di pihak yang dicabar oleh pendapat umum. Kitalah orang-orang yang akan mengambil inisiatif untuk membuka dialog-dialog mengenai perubahan ini dan bukannya pihak yang hanya berada di pinggiran dialog-dialog yang sedang berlaku.

Masyarakat harus diberitahu bahawa rasa kurang yakin mereka terhadap undang-undang Islam ini adalah semata-mata berasaskan kepada sikap prejudis mereka sendiri terhadap undang-undang itu. Prejudis terhadap undang-undang agama sendiri merupakan suatu mala petaka sejarah umat Islam di zaman ini, yang telah begitu rupa diasuh oleh para penjajah supaya tidak mempunyai keyakinan bukan sahaja kepada bangsa dan kaum sendiri, malah juga kepada diri sendiri. Mereka perlu sedar bahawa sikap yang ada pada mereka itu telah dipupuk oleh

penjajah selaras dengan proses kejatuhan umat Islam dari dahulu sampai sekarang. Apa yang perlu mereka lakukan ialah membuang prejudis itu, dan untuk itu kita perlu membimbing mereka dalam bahasa dan kaedah yang senang mereka fahami.

Halangan-halangan ^{politik} positif dan perlembagaan

Ada orang berpendapat bahawa perjuangan untuk memenangi pendapat umum masyarakat ini sebenarnya telah selesai dengan tercapainya kemerdekaan bagi negara kita. Tetapi mereka harus sedar bahawa kemerdekaan yang telah kita capai itu tidak mampu untuk berfungsi sebagai jambatan yang selamat ke arah pelaksanaan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. **Penjajahan mental** barat yang begitu mencengkam di kalangan umat Islam telah menjadikan kemerdekaan politik yang kita capai ini sebagai kemerdekaan separuh masak. Sebagai hasil dari penjajahan mental ini umat Islam masih memandang barat sebagai segala-galanya sehinggakan di dalam usaha mengisi kemerdekaan.

Apabila barat secara politiknya meninggalkan negara kita mereka sebenarnya telah selesai melatih dan menyediakan orang-orang yang cukup setia kepadanya di dalam mengekalkan nilai-nilai tamaddun barat di sini. Meskipun dalam banyak keadaan, perjuangan kemerdekaan dari penjajahan politik itu dipelopori oleh kalangan yang tidak banyak menerima pengaruh barat, seperti golongan agama misalnya, tetapi dengan kelicinan ~~+~~ taktik dan strategi barat itu kemerdekaan itu bila dicapai terserah kepada golongan yang dipersiapkan untuk menjadi bakal pemerintah itu tadi.

Pemerintah-pemerintah Islam yang dididik oleh barat ini akan sentiasa berpandukan nilai-nilai barat dalam mengisi kemerdekaan negara kita ini. Kerana nilai-nilai itulah mereka kenal dan terdidik dengannya.

Sementara itu golongan agama nampaknya tidak mampu untuk mengubah trend pemerintahan ini. Meskipun setengah dari mereka sedar tentang perlunya kepada suatu bentuk revolusi sosial yang mampu mengubah pandangan bangsa mereka tentang hidup dan masyarakat, mereka sendiri tidak mampu berbuat demikian oleh beberapa sebab yang mungkin mereka sendiri mengetahuinya. Dalam pada itu mereka pada umumnya mengambil sikap menjauhkan diri dari pusat kuasa sedikit demi sedikit. Lalu pucuk pimpinan dan pemerintahan negara terserah bulat-bulat ke tangan mereka yang kurang mengerti tentang Islam dan hanya mengenal nilai-nilai barat yang mereka terdidik di bawah naungannya.

Kenyataannya sekarang ialah, paling tinggi umat Islam telah diberi satu kedudukan yang sama dengan kedudukan "ahluzimmah" mengikut konsep kenegaraan Islam, dalam negara mereka sendiri yang sekular. Kedudukan seperti ini tidak langsung dapat dibanggakan dan tidak boleh disifatkan dsebagai suatu **pen-****capaian** sesudah mencapai kemerdekaan. Ini ialah kerana ianya sudah lama dicapai sejak negara kita masih dibawah kuasa penjajahan lagi, malah dapat **dicapai** **dikebanyakan** negara-negara **bukan Islam** sendiri yang lebih suka mengatur undang-undang keluarga di negara masing-masing mengikut kepercayaan agama ataupun tradisi yang diambil oleh golongan-golongan yang hidup di dalam-nya.

Perlembagaan negara kita mungkin agak jelas di dalam hal ini. Ianya dibentuk untuk mengekalkan **Malaysia** sebagai sebuah negara sekular. Meskipun ada beberapa perkara yang nampaknya **menguntungkan** Islam dalam perlembagaan tersebut namun keuntungan itu tidak seberapa berbanding dengan beberapa nilai negatif yang berbangkit dari kedudukan yang ada sekarang ini. Dengan menge-nepikan kedudukan **undang-undang** Islam sebagai undang-undang negara, perlem-bagaan negara kita sekarang telah merupakan suatu halangan besar ke arah cita-cita merealisasikan undang-undang Islam di negara kita ini.

Adalah menjadi tanggungjawab semua mereka yang berkewajipan memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini untuk mencari jalan bagi meng-atasi halangan **politik** dan perlembagaan ini. **Memperjuangkan** pelaksanaan undang-undang Islam dengan semata-mata memekik dan melolong tanpa berusaha untuk menemui jalan mengatasi halangan ini adalah suatu perkara yang sia-sia.

Sebagaimana yang kita katakan tadi, negara kita ini dipimpin oleh mereka yang berpendidikan barat, atau sekurang-kurangnya yang lahir dari falsafah **pendidikan barat**. Pandangan sekularisma yang mereka anuti sebagai hasil secara langsung dari bentuk-bentuk pendidikan yang mereka terima membuat mereka mempunyai **keyakinan** bahawa di antara urusan **dunia** dan urusan **agama** itu ada satu **garis pemisah** yang perlu diambilkira. Sebagai para pemimpin mereka ini ada prinsip mereka **sendiri**. Sama ada prinsip mereka ini betul atau salah itu adalah suatu persoalan lain. Tetapi yang **pasti** ialah prinsip-prinsip inilah yang menjadi asas pemikiran dan tindak tanduk mereka. Oleh kerana prinsip-prinsip ini adalah prinsip barat atau yang terbentuk atas pengertian nilai-nilai barat maka ianya akan melahirkan pemikiran dan tindak tanduk barat atau kebaratan yang dalam masalah yang kita perbincangkan di sini

menandakan bahawa urusan negara perlu dipegang oleh negara sementara urusan agama perlu diuruskan oleh masjid-masjid.

Bagi mereka ini konsep integrasi antara agama dan negara adalah suatu dongeng yang sengaja dijaja oleh orang-orang agama bagi faedah diri dan agama mereka semata-mata. Isu ini, bagi mereka, sudah begitu lapok dan telah dengan jayanya ekoran daripada pertentangan di antara gereja-gereja dan sarjana-sarjana ilu pengetahuan pada ketika itu.

Sikap mereka yang pragmatis sebagai hasil dari pendidikan bentuk sekular yang mereka terimaitu menjadikan mereka orang-orang yang realistik. Bagi mereka ideal dan realiti adalah dua sifat yang bertentangan dan mempunyai bidang-bidang tersendiri secara yang terpisah di dalam hidup. Dalam hal ini mereka selalu menegaskan bahawa mereka adalah orang-orang yang bersikap rasional, suka melihat kepada kenyataan.

Mengemukakan konsep Islam kepada mereka ini samalah dengan mengemukakan suatu idea lama atau barang lapuk yang tidak realistik lagi. Falsafah bahawa hidup itu ialah hari ini menjadikan mereka wajar untuk tidak menerima undang-undang yang terasas pada zaman unta untuk dilaksanakan pada zaman nuklear ini. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila cara mengemukakan undang-undang itu pada mereka mengikut stail lama yang tidak terpakai lagi sekarang ini.

Memperjuangkan perlaksanaan undang-undang Islam di dalam sebuah negara yang dikuasai oleh golongan orang-orang Islam seperti ini perlu kepada suatu cara yang teliti. Adalah tidak berfaedah kalau perjuangan itu banyak merupakan slogan dan kata-kata indah, yang hanya boleh membangkitkan sentimen tetapi kurang berpijak di akal. Lebih-lebih lagi tidak berfaedah kalau ianya dipenuhi dengan hantam Kerumun yang tidak tentu hala.

Dalam pengertian politiknya, mereka ini perlu diletakkan pada suatu kedudukan yang menjadikan mereka boleh menerima hakikat perlaksanaan undang-undang Islam dalam negara ini sama ada secara sukarela atau terpaksa. Ini mengertikan bahawa mereka perlu didedahkan dengan nilai undang-undang Islam sehingga mereka benar-benar faham bahawa undang-undang yang selama ini mereka anggap sebagai terlalu asing itu sebenarnya terlalu dekat dengan nilai hidup bangsa mereka, dan sehingga mereka benar-benar faham bahawa anggapan betapa undang-undang Islam itu suatu yang sudah ketinggalan zaman sebenarnya lahir dari salah faham dan prejudis mereka sendiri terhadap undang-undang itu. Mereka perlu diberitahu dan diyakinkan bahawa undang-undang Islam itu sebenarnya suatu nilai yang dinamis, yang boleh memperbaharui dirinya dari semasa ke semasa sesuai dengan sifatnya sebagai suatu nilai yang hidup.

Malah lebih dari itu mereka perlu faham bahawa undang-undang Islam bukan sahaja mampu untuk berkembang sesuai dengan tuntutan zaman tetapi juga mampu membentuk keperluan itu sendiri agar ianya sesuai dengan kehendak dan tuntutan nilai-nilai hidup Islam.

Mereka juga perlu diberitahu bahawa realiti bukanlah segala sesuatu dalam hidup ini. Orang yang kuat dan teguh peribadi akan mampu mengubah realiti hidup ini. Mereka perlu disedarkan bahawa menerima realiti dalam bentuknya yang pasif adalah suatu kekalahan dalam perjuangan hidup. Islam, meskipun menerima nilai-nilai realiti, tidak menganjurkan umatnya untuk bersikap pasif dalam penerimaan itu. Pengalaman-pengalaman Islam dalam mengubah realiti hidup bangsa Arab zaman jahilliah dari bentuk sebuah masyarakat yang kuno dan kemudiannya mengubah realiti bangsa dan masyarakat Yunani dan Parsi adalah suatu contoh yang harus didedahkan dan dipelajari.

Bagi tujuan ini dialog yang terus menerus di antara para ulama dan pendokong cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam dengan pihak pemerintah dan mereka yang berada di pusat kuasa perlu diadakan. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk tidak bersikap **prejudis** terhadap pihak yang satu lagi dalam menyertai dialog-dialog ini atau sikap **hipokrit** dalam menerima dan menilai fikiran, pendapat serta masalah yang dilahirkan oleh masing-masing pihak. Tugas utama dalam dialog-dialog ini ialah mencari **pertautan** antara **idealisma Islam** dan **realiti masyarakat** yang sekian lama terletak di bawah kekuasaan dan pengaruh barat ini.

Adalah menjadi kewajipan bagi golongan yang memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam yang melibatkan diri mereka dalam dialog-dialog seperti ini untuk menyedari bahawa mereka berhadapan dengan orang-orang yang kurang arif dengan undang-undang Islam itu. Suatu pengertian yang harus sentiasa diambilkira ialah mereka ini harus diberi faham tentang kejituan undang-undang Islam dan kemampuannya untuk menyelesaikan segala masalah undang-undang. Dengan erti mereka ini perlu diajar dan didakwahkan dan bukannya dituduh dengan bermacam-macam tuduhan yang boleh meliarkan mereka dari tujuan murni ini.

Yang menjadi persoalannya sekarang ini ialah **tidak banyak** dari kalangan cerdik pandai Islam yang **sanggup** melibatkan diri dalam dialog-dialog seperti ini dengan secara yang lebih serius. Kalau adapun hanyalah segeleintir dari mereka sahaja. Selain dari mereka ini para ulama sama ada memilih jalan untuk berdiam diri ataupun memilih untuk menjadi pengkritik-pengkritik yang keras terhadap pemerintah. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua sikap ini mempunyai kesan yang tersendiri dalam mendorong perjuangan pelaksanaan undang-undang Islam itu jauh ke depan.

tetapi pengaruh itu akan menjadi lebih besar kalau mereka bersatu membuka dialog yang lebih teratur dan berkesan dengan pihak pemerintah.

Peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan Malaysia dan pengalaman-pengalaman sejarah mengenainya jelas menunjukkan bahawa sistem pemerintahan di negara kita sekarang ini tidak banyak membuka jalan ke arah pelaksanaan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Dengan mengeneipkan kedudukan undang-undang Islam diperingkat persekutuan di samping pengiktirafan agama Islam sebagai agama persekutuan perlembagaan tersebut nampaknya bertujuan antara lain untuk mengekalkan negara kita ini sebagai sebuah negara sekular.

Pemecahan kuasa agama dan pentadbiran hukum Islam kepada berbagai pihak berkuasa negeri telah meletakkan undang-undang Islam dan perlaksanaannya dalam keadaan yang seba salah. Meskipun pada lahirnya kuasa-kuasa agama bagi negeri-negeri ini boleh menjadi batu loncatan ke arah melaksanakan undang-undang Islam dengan secara mudah namun kita perlu ingat bahawa kuasa-kuasa tersebut adalah sangat terbatas oleh kehendak perlembagaan sendiri ataupun oleh peruntukan-peruntukan lain yang ada di dalam berbagai-bagai akta persekutuan.

Pengalaman-pengalaman negeri-negeri sendiri dalam melaksanakan undang-undang Islam meskipun dalam daerahnya yang sempit seperti sekarang ini, menunjukkan kejelekan yang nyata. Tidak adanya kuasa yang boleh menyelaraskan segala undang-undang dan amalan antara negeri-negeri telah menjadikan pelaksanaan undang-undang serta pentadbiran hukum Islam di Malaysia seluruhnya sebagai suatu eksesais yang tidak berjaya. Adanya pertindihan tugas dan kuasa, pertentangan kaedah dan amalan, serta juga sekatan-sekatan kuasa yang tidak perlu dari segi perundangan antara negeri-negeri telah menjadikan usaha mempertingkatkan lagi mutu pelaksanaan undang-undang Islam di negara kita ini lebih rumit. Lebih merumitkan lagi ialah wujudnya berbagai-bagai ejensi dan pihak berkuasa agama yang berbagai-bagai dan tidak diselaraskan dengan baik disetengah-setengah negeri sehingga menimbulkan suatu macam konflik dan pembaziran tenaga yang tidak wajar.

Kita perlu melakukan sesuatu terhadap perlembagaan negara kita, supaya undang-undang Islam dapat ditempatkan pada kedudukan yang wajar. Pengalaman pahit negeri-negeri di dalam melaksanakan kuasa-kuasa mereka yang terhad dan tidak diselaraskan seharusnya menjadi suatu panduan yang berkesan di dalam mengadakan apa-apa langkah nanti.

Halangan-halangan Intelektual

Walau bagaimanapun menganggap **kekuasaan politik** dan sandaran perlembagaan sebagai lampu Aladdin yang dapat menyelesaikan semua masalah adalah suatu fikiran yang singkat. Sesungguhnya kekuasaan politik itu walau bagaimana sekalipun ianya hanya mampu untuk membuat keputusan dan polisi semata-mata sedangkan kejayaan pelaksanaan selanjutnya banyak bergantung kepada faktor faktor lain yang bukan sedikit. Tanpa faktor-faktor ini kekuasaan politik dan perlembagaan akan hanya tidak lebih dari **harimau kertas** yang tidak berdaya untuk berbuat apa-apa. Kekecewaan bangsa dan masyarakat yang terlalu menumpukan perhatian kepada **perebutan kuasa politik** dalam mengisi kemerdekaan mereka adalah suatu contoh yang jelas terhadap hakikat ini.

Dalam menjayakan cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara sekarang, nilai intelektual dikalangan masyarakat kita adalah satu daripada faktor penentu. Yang kita maksudkan dengan nilai intelektual di atas ialah dalam pengertiannya yang popular, iaitu pengertian dan kefahaman secara sedar dan mendalam mengenai sesuatu. Dalam istilah Islam hal ini disebut sebagai "Fiqah", yang terkandung dalam firman Allah

فلولا نفر من كل فرقة منهم طائفة ليتفقهوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا اليهم لعلهم يحذرون.

Yang bermaksud: Hendaklah ada disetiap kalangan itu suatu golongan yang memahami secara mendalam tentang agama dan memberi amaran kepada masyarakat mereka apabila mereka pulang kepada mereka nanti mudah-mudahan mereka berhati-hati.

Tanpa nilai ini segala **keputusan politik** yang bakal diambil bagi melaksanakan undang-undang Islam itu akan menjadi keputusan semata-mata.

Adalah perlu disebutkan bahawa bukan yang dimaksudkan dengan nilai intelektual di sini ialah ilmu. Sesungguhnya antara **ilmu** dan **intelektualisma** itu ada garis pemisah yang jelas. Seseorang yang **berilmu** dan berpengetahuan bukan semestinya dan secara otomatis seorang **intelekt**. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang kira-kira: maksudnya "Ada orang yang mengetahui tentang fahaman tetapi tidak memahaminya". Dalam kata lain, **intelektual** adalah suatu **kesedaran** yang dihasilkan oleh ilmu yang menjadikan seseorang itu benar-bear memahami dan sedar tentang persoalan-persoalan yang muncul dihadapannya.

Keperluan-keperluan nilai-nilai intelektual ini dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam dapat dilihat pada hakikat bahawa undang-undang itu sendiri memerlukan nilai kefahaman yang tinggi dan meliputi sejak sebagai ianya suatu idea tentang keadilan dan penyusunan masyarakat sehinggalah kepada realiti masyarakat di mana undang-undang itu bakal dilaksanakan. Inilah yang dimaksudkan dengan " الشقه فى الدين " yang diistilahkan oleh Islam sebagai sifat para fuqaha. Tanpa nilai intelektual seperti ini undang-undang itu sendiri tidak mungkin difahami dengan baik apalagi untuk direalisasikan sebagai undang-undang ^{negara} Islam. Jadinya cita-cita untuk merealisasikan undang-undang Islam itu memerlukan barisan fuqaha yang matang, yang faqih tentang prinsip-prinsip hukum serta juga masyarakat di mana hukum itu akan dilaksanakan sebagai undang-undang negara.

Persoalan sekarang ini, apakah para fuqaha seperti ini ada sekarang ini? menilai kenyataan yang ada pada masa ini jawapannya agak negatif. Dualisma dalam pendidikan dan pengajian di negara kita ini telah melahirkan para terpelajar dalam dua kem. Di suatu pihak terdapat para pelajar yang terdidik dengan ilmu dan methodologi barat. Kerana methodologi barat itulah yang menjadi sendi dan asas kepada realiti hidup masyarakat Malaysia sekarang ini para intelek dari golongan ini merupakan orang-orang yang boleh dikatakan lebih mampu memahami realiti masyarakat sekarang. Dari merekalah terbentuknya rangkaian ahli undang-undang dalam masyarakat kita zaman ini.

Pada umumnya mereka ini dapat disebut sebagai para intelek yang memahami tentang konsep dan realiti hidup. Kejayaan yang dicapai oleh negara sekarang ini di bawah pimpinan mereka adalah dalil yang jelas kepada dakwaan ini. Walau bagaimanapun, dalam kontek persolan yang kita hadapi ini mereka tidak boleh dianggap sebagai orang yangnya yang akan menjadi juara. Nilai-nilai intelektual yang ada pada mereka itu menjadikan mereka golongan yang jauh dari dapat memenuhi Kehendak merealisasikan nilai-nilai Islam sejauh perpisahan konsep sekularisma barat dari konsep integrasi Islam.

Intelektualisma yang mereka punyai adalah berasaskan kepada konsep-konsep pemisahan antara undang-undang dan negara dengan agama dan akhlak sebagaimana pendirian guru-guru mereka di barat. Sedangkan apa yang kita perlukan dalam usaha merealisasikan undang-undang Islam ini ialah suatu nilai intelektual yang integrated dan syumum, yang mencangkupi secara sekaligus antara undang-undang dan agama serta akhlak. Fahaman mereka yang boleh dikatakan lebih tepat sejauh mengenai realiti masyarakat agak tidak berguna lagi dalam usaha ini kerana penyelesaiannya yang dicadangkan nanti oleh mereka lebih berbau pragmatis suatu yang tidak sebulu dengan sistem nilai


Penyelesaian Islam yang lebih menyanjung nilai-nilai idealisme itu.

Menyerahkan kepada mereka tugas memelopori pelaksanaan undang-undang Islam sekarang ini hanya akan lebih mengharu birukan keadaan. Asas pemikiran mereka yang sekular dan nilai pandangan hidup mereka yang pragmatis dan rasional akan menjadikan usaha penyusunan undang-undang Islam bagi tujuan perlaksanaannya sebagai suatu penyusunan yang berteraskan konsep barat. Ini benar-benar telah terjadi dalam sejarah reformasi undang-undang yang telah berjalan sejak dari saat-saat terakhir kerajaan Uthmaniah sampai ke hari ini, di mana mereka ini telah menaikkan jarumnya sehingga pengaruh undang-undang barat itu telah diterima sampai dibidang kekeluargaan dan personel. Sebagaimana yang kita alami sekarang ini, sebagai hasilnya, apa yang disebut sebagai undang-undang keluarga Islam di dunia Islam sekarang ini lebih tepat kalau disifatkan sebagai undang-undang barat yang diorientasikan mengikut keperluan paling minima syariat Islam.

Satu golongan lain terdiri dari mereka yang terdidik dengan ilmu-ilmu Islam. Biasanya golongan yang mempelajari undang-undang Islam dari kalangan ini merupakan orang-orang yang dipersiapkan untuk hidup dan berfungsi di abad ke-12, dan bukannya di abad ke-20, apa lagi ke-21. Meskipun mereka ini menghabiskan masa yang panjang dalam mempelajari perbendaharaan ilmu-ilmu Islam tetapi hakikatnya mereka tidak begitu memahami realiti hidup sekarang ini. Ilmu-ilmu yang mereka pelajari sebenarnya merupakan nilai-nilai intelektual yang berasaskan kepada realiti zaman lampau yang dipindahkan dalam bentuk yang tidak kemaskini lagi. Hal ini terjadi sebagai hasil daripada terbantutnya perkembangan methodologi ilmu dalam Islam di abad-abad silam. Akibatnya mereka hidup dalam suatu lingkungan yang tidak berpengaruh yang dinamakan sebagai penutupan pintu ijtihad.

Sampai sekarang ini golongan ini masih bercakap dalam bahasa abad ke-12 dan tidak mampu memahami persoalan semasa dan persekitaran mereka melainkan setelah diterjemahkan ke dalam bahasa mereka. Dalam bidang aqidah, sebagai contoh, mereka ini masih terus sahaja mempelajari secara pokok tentang "Qadariah" "Jabariah" "Asya'irah" "Maturidiah" dan sebagainya, yang menjadi persoalan masyarakat pada suatu zaman dahulu. Sehingga apabila orang memperbincangan soal komunisma, sekularisma, dan lain-lain fahaman yang menjadi pokok persoalan zaman kini mereka tidak akan menganggapnya sebagai suatu persoalan ilmu tauhid. Malah, untuk mendapatkan pandangan dari mereka sekalipun isu-isu ini harus diterjemahkan terlebih dahulu ke dalam bahasa mereka yang menggunakan istilah "Jabariah" "Qadariah" dan sebagainya.

Di bidang undang-undang pun begitu. Sehingga untuk bercakap tentang sistem dan peraturan bank-bank sekarang ini pun mereka terpaksa memahami dalam bahasa mereka seperti "Wadi'ah", "Mudharabah", dan sebagainya, yang sebenarnya lanir sebagai istilah kepada realiti hidup masyarakat perdagangan pada suatu masa di zaman yang silam.

Menyerahkan kepada mereka kini peranan menjuarai usaha melaksanakan konsepsi Islam samalah ertinya dengan menaja suatu usaha untuk kembali kepada realiti hidup di abad ke-12, di mana segala sesuatu harus berdasarkan teks-teks dari kitab-kitab fiqah yang banyak itu. Dan kalau tidak ada maka harus dihubungkan dengan mana-mana konsep yang ada di dalam kitab-kitab tersebut, meskipun dengan secara mengada-ada. 

Jelaslah bahawa dihadapan usaha pelaksanaan undang-undang Islam itu ada persoalan-persoalan intelektual yang amat ketara. Persoalan ini adalah pada umumnya lahir dari kegagalan bidang pendidikan dan pengajian untuk melahirkan para intelek yang memahami undang-undang Islam dengan secara yang lebih realistik sesuai dengan kehendak undang-undang Islam itu sendiri sebagai peraturan masyarakat yang sesuai bagi setiap zaman dan tempat. Persoalan ini jarang dirasakan oleh orang-orang politik, terutama yang terdiri dari mereka yang cetek tentang pengajaran Islam, istimewa mereka yang hanyut dengan politik slogan. Sebagaimana yang dikatakan oleh "al-Maududi" mereka ini hanya pandai menyebut undang-undang Islam tetapi tidak tahu apa itu undang-undang Islam dan bagaimana selok belok serta persoalan yang sedang dihadapinya.

Bagi mengatasi masalah ini suatu kajian harus dibuat terhadap sistem pendidikan dan pengajian yang ada di negara ini. Dualisma dalam pendidikan yang melahirkan dua bentuk atau aliran pendidikan sekular dan agama dengan secara terpisah haruslah direformasikan dengan suatu bentuk konsep lain yang integrated. Masyarakat kita tidak lagi perlumengenal istilah-istilah "ulama" dan "sarjana" sebagai dua istilah yang mengandungi erti dan ciri yang berlainan.

Dualisma dalam pendidikan ini memang berfaedah di zaman penjajahan kerana mewujudkan satu sistem pengajian agama secara tersendiri ini merupakan suatu langkah defensif yang berkesan dalam menghadapi pengaruh penjajah. Terpisahnya pengajaran agama dari realiti masyarakat pada waktu itu sebagai akibat dari pemecahan sistem pendidikan tadi adalah suatu harga yang meskipun mahal tetapi wajar dibayar. Ini kerana untungnya ialah mengekalkan nilai-nilai pengajian agama dari dikikis habis oleh pengaruh penjajah.

Kedudukan pada hari ini sangat berlainan sekali. Kita tidak perlu lagi kepada benteng pertahanan tetapi sebaliknya perlu bersikap openshif dalam merealisasikan nilai-nilai pengajaran Islam. Dalam keadaan ini langkah-langkah mengislamisasikan segala organisasi masyarakat yang ada jauh lebih berfaedah dari mewujudkan suatu sistem Islam yang terpisah dari organisasi-organisasi masyarakat yang telah sedia ada. Ini kerana langkah kedua ini tidak lebih dari perbuatan mengadu lumba antara sistem non-Islamic yang sudah lama bertapak dan sistem Islam yang masih dalam usaha mencari tapak. Tentu sekali perbuatan adu lumba begini suatu langkah yang merbahaya dan merugikan pihak pendatang baru itu sendiri.

Langkah yang perlu bagi kita ialah merubah kedua-dua sistem yang ada sekarang ini dan menyatukan di dalam suatu bentuk tolak ansur yang harmonis. Adalah penting bagi sistem yang sekular sekarang ini disusun semua agar lebih sesuai dengan kehendak pendidikan dan pengajian Islam, di mana suatu konsep integrasi antara undang-undang dan agama akan menggantikan konsep sekular yang sekarang ini. Di samping itu, sistem pengajian agama harus diserapkan sahaja ke dalam sistem yang disatukan itu dan tidak lagi akan bertindak sebagai satu organisasi komposisi di dalam pendidikan negara. Di bawah sistem yang disatukan ini tidak akan timbul lagi apa yang disebut sebagai pendidikan sekular dan pendidikan agama. Apa yang akan ada ialah suatu pendidikan yang berasaskan kepada ilmu-ilmu Islam yang berorientasikan realiti masyarakat mengikut methodologi yang kemaskini.

Bagaimanapun cadangan seperti ini bukan lagi satu perkara baru. Ianya sudah bermula sejak beberapa lama di universiti-universiti tempatan. Suatu bentuk pengajian secara komparatif di antara undang-undang Islam dan undang-undang barat telah mula dipelajari di universiti-universiti negara ini. Meskipun pengajian secara komparatif tidak boleh berfungsi sepenuhnya sebagaimana yang dicadangkan tadi namun adalah diharapkan ianya akan menjadi titik tolak yang berkesan kearahnya. Sehingga usaha ini benar-benar berjaya melahirkan ahli-ahli undang-undang Islam yang dicita-citakan itu kita harus berusaha dengan keyakinan bahawa Allah s.w.t. akan menolong menjayakan usaha-usaha baik para hambanya.

Masyarakat Majmuk

Menjadikan masyarakat majmuk sepertimana yang terdapat di Malaysia sekarang ini sebagai suatu alasan untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara adalah suatu sikap yang terlalu pesimis. Meskipun selalu dikatakan bahawa undang-undang itu sama seperti sastera

di mana ianya harus mencerminkan realiti dan aspirasi masyarakat namun kata-kata ini jangan disalah tafsirkan sehingga melahirkan satu kesimpulan bahawa undang-undang Islam tidak berkemampuan untuk memikul fungsi bagi masyarakat majmuk seperti di Malaysia sekarang ini.

Islam, meskipun disebut sebagai "agama" namun ianya lebih luas daripada pengertian yang terkandung dalam istilah tersebut mengikut tafsirannya yang popular sekarang ini. Islam adalah suatu "Din" ataupun jalan hidup yang mengandungi segala nilai untuk semua tempat dan zaman. Ianya suatu penyelesaian hidup yang konfrehensif dan universal. Meskipun aqidah adalah inti yang tidak menerima tolak ansur dalam agama tersebut namun perlindungan hidup sentiasa dianggap sebagai hak yang mesti diperolehi oleh semua orang. Mengikut pandangan Islam, sama ada seorang itu beraqidah Islamiah ataupun tidak dia harus mendapat perlindungan undang-undang yang sama, kecuali dalam hal-hal yang menyentuh nilai aqidah dan agama serta kepercayaan mereka sendiri, yang mestinya akan diselesaikan mengikut ketentuan agama dan kepercayaan masing-masing.

Konfrehensifnya Islam itu dapat dilihat pada isi kandungannya sendiri yang meliputi bukan sahaja nilai-nilai aqidah, ibadat dan akhlak, sebagaimana yang terdapat pada agama-agama lain tetapi juga nilai-nilai lain yang mengenai urusan hidup duniawi, sama ada bagi hidup orang perseorangan ataupun masyarakat dalam semua kategorinya. Dalam bahasa moden sekarang ini boleh kita katakan bahawa dalam pengajaran Islam itu terdapat sama nilai-nilai dan arahan-arahan tentang politik, undang-undang, ekonomi, pendidikan dan apa sahaja yang diistilahkan oleh pengajian moden sekarang ini sebagai keperluan hidup bermasyarakat.

Tentunya terlalu jauh kalau pembicaraan kita ini memperkatakan tentang hakikat ini dengan panjang lebar. Tetapi suatu hal yang perlu disebutkan di sini bahawa penolakan terhadap hakikat ini menjadikan pokok perbincangan kita pada hari ini tidak berbangkit sama sekali. Ini kerana persoalannya yang kita utarakan di sini ialah apakah undang-undang Islam yang diakui sebagai suatu kenyataan dalam pengajaran Islam itu boleh dipraktik sebagai undang-undang negara dalam masyarakat majmuk seperti yang terdapat di Malaysia sekarang ini?

Begitulah juga universalnya pengajaran Islam itu. Ianya dapat dilihat pada pengajaran itu sendiri. Mengikut pengajaran tersebut segala nilai hukum dan arahan yang terdapat padanya tidak dihadkan kegunaannya untuk

abad-abad atau kelompok atau kumpulan hidup tertentu sahaja, tetapi ianya nilai-nilai yang abadi dan sejagat. Siapa sahaja dan apapun juga pada bila-bila masa pun boleh tertakluk kepadanya tanpa terhalang oleh perbezaan apapun juga termasuk kepercayaan dan agama.

Undang-undang Islam tidak pernah membezakan antara penganut Islam sendiri dan mereka yang menganuti agama atau kepercayaan lain di dalam mendapatkan keadilan hukum. Walaupun terdapat beberapa perkecualian dalam pelaksanaan hukum dalam hal-hal yang menyentuh aqidah dan kepercayaan, ini tidak boleh menonjolkan sifat tidak kesaksamaan dalam undang-undang tersebut malah sebaliknya menunjukkan betapa undang-undang Islam sangat-sangat menitik beratkan kesaksamaan itu sendiri yang dalam hal ini terdapat pada melayani dan menghormati aqidah dan kepercayaan agama bagi setiap mereka yang tertakluk di bawahnya. Hal ini dilakukan juga oleh undang-undang lain yang dikira berperadaban seperti undang-undang Inggeris yang dilaksanakan di Malaysia sekarang ini.

Jadinya, dipihak undang-undang Islam sendiri tidak terdapat apa-apa halangan yang menyekat dari ianya dijadikan sebagai undang-undang negara kepada sebuah masyarakat berbilang bangsa dan agama seperti di Malaysia ini. Malah boleh dikatakan bahawa undang-undang Islam itu lebih bersedia dari mana-mana undang-undang kebangsaan yang biasanya dilunaskan atas semangat egoistik di kalangan bangsa itu sendiri terhadap bangsa-bangsa lain, baik yang hidup bersama mereka dalam satu masyarakat ataupun sebaliknya. Maka sikap keberatan untuk melaksanakan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di sebuah negara yang masyarakatnya bersifat majmuk seperti di Malaysia ini atas alasan bahawa undang-undang Islam itu hanyalah untuk orang-orang Islam sahaja adalah tidak kena pada tempatnya. Sikap seperti ini timbul mungkin kerana kejahilan atau prejudis terhadap undang-undang Islam itu sendiri atau terpengaruh dengannya tipu muslihat orang-orang barat yang tidak mahu melihat Islam kembali berfungsi dalam masyarakat Islam didunia sekarang ini.

Lalu persoalannya sekarang ialah persoalan kejahilan dan prejudis. Kejahilan adalah satu penyakit sosial yang memerlukan ubat yang bernama ilmu. Dengan ilmu, prejudis akan hilang dengan sendirinya. Kata orang : Tak kenal maka tak cinta :, dan bahawa manusia itu akan sentiasa memusuhi apa yang tidak dikenalnya. Maka persoalannya dari segi ini bukan lagi persoalan politik perkauman semata-mata tetapi persoalan akademik dan ilmu pengetahuan, atau sekurang-kurangnya dapat disebut sebagai persoalan politik akademik.

Mereka yang bersikap negatif terhadap pelaksanaan undang-undang Islam ini harus mengenali undang-undang Islam itu dan bagaimana ianya boleh bertindak sebagai undang-undang negara yang memberi keadilan dan kesaksamaan, bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada mereka yang tidak menganiuti agama itu. Paling kurang, mereka itu perlu tahu bahawa pelaksanaan undang-undang Islam dalam masyarakat majmuk seperti ini samalah seperti pelaksanaan undang-undang Inggeris dalam masyarakat yang sama.

Kita, apabila menerima pelaksanaan undang-undang Inggeris di negara ini, tidak menganggap bahawa undang-undang itu adalah satu nilai hukum yang bersifat Inggeris dalam erti bahawa dengan pelaksanaan itu kita telah di-Inggeriskan. Paling tinggi kita menganggap bahawa itu adalah suatu cara penyelesaian di bidang pengadilan bagi masyarakat kita pada waktu itu. Soal sama ada ianya cambah dari suatu peradaban lain yang asing bagi kita tidak timbul, kerana yang pentingnya ialah keadilan yang terdapat pada sistem itu sendiri.

Keadaan menjadi lebih jelas apabila kita berhadapan dengan undang-undang Islam. Ianya bukan membawa erti mengislamkan orang-orang bukan Islam di negeri ini tetapi sekadar meletakkan mereka itu bersama-sama umat Islam di bawah sistem pengadilan yang sama. Sama ada undang-undang itu cambah dari tamaddun yang mungkin asing dari mereka suatu hal yang tidak berbangkit, kerana yang pentingnya ialah keadilan yang terdapat dalam sistem undang-undang itu sendiri. Persoalannya di sini ialah, kalau kita yang terdiri dari berbagai-bagai agama dan keturunan ini dapat sama-sama menerima satu sistem asing dari kita semua iaitu sistem barat mengapa kita tidak dapat menerima sistem yang cambah dari peradaban satu golongan dari kita yang pula sifatnya **universal**?

Penutup

Menilai realiti yang ada dalam masyarakat Malaysia sekarang ini kita dapati bahawa salah anggap terhadap kemampuan serta juga sikap terbuka undang-undang Islam itu masih menebal. Ianya keinsafan dari para pendokong pelaksanaan undang-undang Islam sahaja yang menyelesaikan masalah ini. Adalah menjadi tanggungjawab kalangan pendokong pelaksanaan undang-undang Islam untuk menjadikan sifat-sifat dan nilai-nilai undang-undang Islam itu difahami ramai, terutama oleh mereka yang bukan Islam.

Bagi melaksanakan tugas ini cakap-cakap yang berbentuk gembar gembur dan slogan tidak berguna lagi. Malah sebaliknya ia memerlukan nilai-nilai yang lebih ilmiah dan hujah-hujah yang lebih mencabar akal dari yang mencubit emosi. Untuk itu, para pendokong pelaksanaan undang-undang Islam sendiri harus terlebih dahulu memahami selok belok undang-undang itu sendiri dan jangan bersikap seperti yang disifatkan oleh al-Maududi sebagai asyik bercakap tentang undang-undang Islam tetapi tidak tahu dengan sebenarnya isi dan selok belok undang-undang itu sendiri. Adalah suatu realiti yang malang sekali sekarang ini bahawa para pendokong cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam telah mencapai satu tahap yang tinggi di bidang propaganda ke arah pelaksanaan undang-undang tersebut. Tetapi sebaliknya terlalu kerdil di bidang pengetahuan dan penguasaan terhadap apa yang dipropagandakan itu. Sebagaimana yang disifatkan oleh Fathi Yakan, keadaan seperti ini tidak boleh menjamin satu perjuangan yang berjaya.

Bentuk perjuangan yang ekstrimis juga tidak boleh menolong untuk mengatasi masalah ini. Maksud dari ekstrimisma di sini bukan pada pegangan terhadap dasar dan nilai perjuangan itu tetapi pada method bagaimana sesuatu perjuangan itu dilaksanakan. Method seperti ini meskipun pada lahirnya kelihatan bertenaga tetapi pada hakikatnya kurang menghasilkan faedah secara mendalam. Malah ianya boleh menjadi sebab kepada tertanamnya rasa prejudis golongan bukan Islam terhadap kemurnian cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam itu sendiri. Benar firman Allah s.w.t. yang bermaksud: Kalau sekiranya kamu bersikap keras dan berhati batu mereka akan lari dari kamu.

Wabillahi taufik wal-hidayah.

MZ/MNN/ahy
110687

Kedudukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977

Bagi Negeri Sabah.

- 1- Peruntukan dibawah Artikul 3(3) Perlembagaan Persekutuan jelas menghendaki bahawa Perlembagaan bagi Negeri Sabah mestilah membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang Di Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam negeri Sabah.
- 2- Negeri Sabah telah membuat penyelarasan bagi memenuhi kehendak Artikul 3(3) Perlembagaan Persekutuan dengan membuat pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah pada 28hb. Disember, 1985 melalui Enakmen No.8 Tahun 1985 serta diwartakan pada 31hb. Disember, 1985.
- 3- Perlembagaan Negeri Sabah telah dipinda dengan menambahkan selepas Perkara 5A Perkara baru 5B(1) dan 5B(2). Pindaan-Pindaan tersebut memeperuntukkan: DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam Negeri Sabah. Dan Dewan Perundangan Negeri adalah pihak yang bertanggungjawab membuat syarat-syarat berkaitan dengan peraturan-peraturan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Agama Islam dan memberi kuasa kepada Majlis untuk menasihati DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atas segala hal-hal berkaitan dengan Agama Islam.
- 4- Masalah yang timbul sekarang. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 hingga hari ini belum lagi dipinda dengan peruntukan memberi kuasa kepada DYMM Yang Di-Pertuan Agong menjalankan fungsinya dalam hal-hal yang berhubung dengan Agama Islam.
- 5- Sepatutnya selepas Perlembagaan Negeri Sabah dipindah, maka pindaan susulan bagi Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 mestilah juga dibuat dengan segera, iaitu memberi kuasa kepada DYMM Yang Di Pertuan Agong menjalankan fungsinya secara mutlak dalam semua urusan yang berkaitan dengan Agama Islam dinegeri Sabah ini.

- 6- Selagi Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 tidak dipinda dengan peruntukan memberi kuasa kepada DYMM Yang Di Pertuan Agong dalam hal-hal yang berkaitan dengan Agama Islam selama itulah pentadbiran (MUIS) berjalan tidak berlembagaan, dan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak tidak berfungsi dan boleh dicabar kesahihannya dari segi Perlembagaan.
- 7- Sedia diingat Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 telah diatasi oleh Akta A354 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976, suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan (27hb.Ogos,1976) Pindaan bagi Perkara 3. Dan diatasi juga oleh Enakmen Pindaan Perlembagaan Negeri Sabah No.8 Tahun 1985.
- 8- Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Pindaan 27hb.Ogos,1976 yang dengan khas menghendaki memberi kedudukan Ketua Agama Islam di Sabah kepada DYMM Yang Di Pertuan Agong, dan Peruntukan dalam Perlembagaan Negeri Sabah (Pindaan 28hb Disember,1985) DYMM Yang Di Pertuan Agong adalah Ketua Agama Negeri Sabah, maka Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 tidak berfungsi lagi dan tidak berjalan kuasanya dalam perkara-perkara yang didapati bercanggah dengan perlembagaan.
- 9- Sungguhpun Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 belum lagi dipinda mengikut yang dikehendaki oleh Perlembagaan, namun demikian Enakmen tersebut tidak mempunyai bidangkuasa lagi setakat yang didapati percanggahan; kerana Enakmen itu tidak selaras lagi dengan Perlembagaan Negeri Sabah (Pindaan 28hb.Disember,1985 5B(1) dan (2). Dan juga bercanggah dengan peruntukan dibawah Artikul 3(3) Perlembagaan Persekutuan, bahawa bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja seperti Negeri Sabah, maka Ketua Agamanya ialah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong .

Perpustakaan Undang-Undang
Universiti Malaya

- 10- Dari fakta ini, maka bidangkuasa dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 adalah dibawah bidangkuasa DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (walaupun Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977 itu belum lagi dipinda dengan sewajarnya) - bukan dibawah bidangkuasa TYT Yang Di Pertua Negeri lagi.

Impelikasi melambatkan pindaan Enakmen Hukum Syarak 1977 memberi kuasa kepada Yang Di Per-tuan Agong ialah mengenai fatwa, perwalian dan Hakim Syar'i. Kesemuanya ini adalah berkeitan dengan Hukum Syarak yang menurut kehendak pin-daan Perlembagaan Negeri No.8 th 1985 adalah di-bawah bidang kuasa Yang Di Pertuan Agong.
